



TEKS SEMBAH UCAPAN

**YAB DATO' SERI SAARANI MOHAMAD
MENTERI BESAR PERAK**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2023 PERINGKAT
NEGERI PERAK**

**LOKASI
LOST WORLD OF TAMBUN**

**TARIKH
29 JANUARI 2023 (AHAD)**

**MASA:
2 PETANG**

Assalamualaikum Wbr dan Salam Sejahtera, Salam Perak Sejahtera
2030

Bismillahirrohmanirrohim,

Menghadap

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan,
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan
Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah,

Dan

Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku
Zara Salim.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon
diampun,**

Segala puji bagi Allah, yang melimpahkan pelbagai kenikmatan pada hari ini, patik dan sekalian hamba rakyat merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Perak pada petang ini.

Sesungguhnya, keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku besar maknanya buat patik serta sekalian hamba rakyat yang bertuah mengecapi nikmat kemakmuran dan keamanan di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Kehadiran warga bukan sahaja melambangkan utuhnya jalinan ukhuwwah dan mahabbah rakyat daripada pelbagai lapisan kaum dan agama, tetapi juga menjadi simbol penzahiran kasih sayang, kesetiaan dan ketaatan kepada pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ampun Tuanku,

Patik mohon perkenan untuk turut mengalu-alukan kerabat diraja yang turut mengiringi keberangkatan Duli-Duli Tuanku ke majlis ini.

Menghadap,

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan,

Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa

Dan

Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan,

Raja Nazhatul Shima Binti Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

Menghadap,

Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan,

Raja Iskandar Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah

Dan

Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan, Tunku

Soraya Binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Patik dengan penuh takzim merafakkan sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku bercemar duli berangkat ke majlis ini bagi mengiringi Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sesungguhnya keberangkatan Duli-Duli Tuanku sungguh besar ertinya kepada patik dan seluruh rakyat jelata.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik turut mengalu-alukan pembesar-pembesar negeri dan persekutuan, dif-dif jemputan dan sekalian yang hadir dan seterusnya menyembahkan ucapan patik.

1. Yang Teramat Mulia Raja Kecil Tengah Perak Darul Ridzuan,
Raja Dato Seri Iskandar Bin Raja Ziran
2. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim,
Perdana Menteri Malaysia dan isteri, Datuk Seri Dr Wan
Azizah Wan Ismail
3. Yang Amat Berhormat, Dato' Seri DiRaja Dr Ahmad Zahid bin
Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan
Desa dan Wilayah
4. Yang Teramat Mulia Raja-raja Bergelar

5. Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral (Bersara) Dato Seri Diraja Tan Sri (Dr) Mohd Zahidi Bin Haji Zainuddin dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Diraja Puan Sri Rasiah Binti Mohd Noor.
6. Yang Berhormat Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid, Yang DiPertua Dewan Negeri Perak dan Isteri, Datin Aznee bt Abu Samah.
7. Yang Berhormat Menteri - Menteri Persekutuan
8. Yang Berhormat Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan dan isteri, Puan Wong Seow Ching
9. Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan isteri, Datin Che Fauziah bt Ahmad
10. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak
11. Dif-Dif
12. Seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian

Ampun Tuanku,

1. Alhamdulillah, setelah hampir tiga tahun disambut dalam suasana suram akibat cengkaman pandemik COVID-19, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama dapat merasai semula kemeriahannya sambutan Tahun Baru Cina yang menggabungkan kembali tradisi kunjung mengunjung dan rumah terbuka.
2. Sesungguhnya, kehadiran tahun arab yang dikaitkan dengan kepintaran, kecerdasan dan ketenangan, bukan sahaja menjadi citra semangat perpaduan rakyat berbilang kaum, malah menjadi simbol kesatuan kita untuk bangkit membina semula negeri dan negara daripada hambatan pandemik.
3. Hakikatnya, COVID-19 menghadirkan hikmah yang cukup besar buat sekalian rakyat, bahawa sehebat mana pun cabaran dan dugaan yang dihadapi, ia mampu diharungi dengan semangat perpaduan dan kebersamaan. Nilai-nilai inilah yang menjadi kunci kepada kelangsungan negara tatkala berhadapan liku dan cabaran semasa yang semakin rencam.
4. Meskipun cengkaman pandemik kian mengendur, namun banyak petanda yang membayangkan bahawa tahun 2023 akan sarat dengan ujian dan rintangan, terutamanya prospek ekonomi global yang dijangka mengalami kemelesetan, sekali gus mencetuskan segala macam ketidakpastian.

5. Justeru, segala cabaran ini menuntut kerajaan – sama ada di peringkat Negeri dan Persekutuan – untuk terus berganding bahu memastikan negara sentiasa berada pada paksi kestabilan, supaya tumpuan dapat diberikan sepenuhnya kepada usaha memulihkan semula ekonomi serta mencipta polisi yang mampu membimbing rakyat mengharungi getirnya cabaran-cabaran mendatang.
6. Berkat mutiara pemikiran dan nukilan titah Ke Bawah Duli Tuanku yang tidak pernah jemu menyentuh dhamir rakyat tanpa mengira latar belakang, akan menjadi suluhan pedoman kepada patik dan seluruh jentera pentadbiran dalam melata usaha serta ikhtiar memakmur dan mensejahterakan bumi bertuah Perak Darul Ridzuan ini.
7. Dengan gerak kerja berterusan bagi menjayakan pelan Perak Sejahtera 2030, serta diadun dan digarap bersama gagasan Membangun Malaysia Madani yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, mudah-mudahan negeri Perak khususnya dan negara Malaysia amnya, akan sentiasa disirami rahmat keamanan dan dilimpahi nikmat kemajuan.

Ampun Tuanku,

8. Demikian berakhirnya sembah ucapan patik. Sebelum mengundurkan diri, patik sekalian yang hadir sekali lagi dengan penuh hormat takzimnya merafakkan sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Tuanku sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada petang ini.
9. Mudah-mudahan, majlis sambutan hari ini beroleh limpahan keberkatan dan kerahmatan daripada Allah SWT.
10. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus beroleh keafiatan, dilimpahkan hidayah serta inayah dan dikurniakan segala kebaikan serta kesejahteraan.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Patik menjunjung kasih Tuanku.